

MYUniMAP  
Edisi XXXVI  
SUKAN

## PERLIS TUAN RUMAH KEJOHANAN WOODBALL PIALA DUNIA 2020

Oleh : Norashikin Abdul

Arau, 7 Mei – Perlis bakal menjadi tuan rumah Kejuhanan Woodball Piala Dunia yang akan berlangsung pada 2020 nanti. Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalulail bertitah demikian pada Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Kejuhanan Woodball Piala Tuanku Canselor UniMAP 2018 (PTCU) yang berlangsung di Padang Woodball, Kompleks Sukan Tuanku Syed Sirajuddin Areeb Putra, Kampus Induk UniMAP Pauh Putra.

Baginda bertitah bahawa sukan woodball perlu dipopularkan bagi memberikan kesedaran di peringkat Kementerian, IPT dan sekolah bahawa sukan ini mempunyai keistimewaannya tersendiri. "Lebih banyak bakat dapat dicungkil sebagai pelapis yang bertanggungjawab membawa nama Malaysia ke persada dunia dan pelajar berpeluang bersaing mewakili Malaysia di pentas antarabangsa.

"Tambahan pula, sukan woodball telah pun dimainkan di peringkat universiti Asia dan dunia, ini sekaligus memberi peluang keemasan kepada pelajar untuk berkenalan, melebarkan jaringan, bertukar-tukar pendapat dan juga idea," titah baginda.



Ujar baginda lagi, populariti Malaysia dan Perlis di mata dunia akan meningkat setelah adanya kemasukan pelancong asing apabila kita menjadi tuan rumah bagi kejuhanan yang bertaraf dunia yang akan meningkatkan lagi ekonomi rakyat negeri sekaligus merubah lanskap sesebuah negeri. Sementara itu, Naib Canselor UniMAP, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal mencadangkan agar tuan rumah PTCU dapat mengundang IPT sekitar utara Kedah bagi memeriahkan lagi pertandingan ini.

Beliau berharap agar IPT di negeri Perlis akan terus bergiat aktif dalam penganjuran pertandingan Woodball kerana mampu mencungkil lebih ramai bakat-bakat baharu yang boleh menjadi pelapis pemain berkualiti negeri Perlis seterusnya untuk Negara kita. Pada PTCU 2018, UniMAP muncul johan keseluruhan apabila menewaskan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Negeri Perlis (MSSPs B) di tempat kedua dengan kiraan 4 – 1 sekaligus mengekalkan kejuaraanya di PTCU 2017.